

KAJIAN LITERATUR TEORI DAN MODEL DALAM MERANGKA KOMPONEN MODUL PENGURUSAN SOSIOEMOSI MURID AUTISME DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI SEKOLAH MENENGAH

LITERATURE REVIEW OF THEORIES AND MODELS IN FRAMING THE COMPONENTS OF A SOCIOEMOTIONAL MANAGEMENT MODULE FOR AUTISTIC STUDENTS IN SECONDARY SCHOOL INTEGRATED SPECIAL EDUCATION PROGRAMS

Siti Sarah Razip¹
Kama Shaffeei^{2*}

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak, Malaysia

Email: sarahrazip472@gmail.com

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak, Malaysia

Email: kama@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article history

Received date : 19-6-2026

Revised date : 20-6-2026

Accepted date : 25-7-2026

Published date : 1-8-2026

To cite this document:

Razip, S. S., & Shaffeei, K. (2026). Kajian literatur teori dan model dalam merangka komponen modul pengurusan sosioemosi murid autisme di Program Pendidikan Khas Integrasi sekolah menengah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (85), 1 – 13.

Abstrak: Teori dan model merupakan tunjang utama dalam pembangunan modul pengurusan sosioemosi murid autisme. Membangunkan modul sosioemosi yang spesifik dan praktikal untuk murid autisme sekolah menengah memerlukan penelitian mendalam teori dan model yang bersesuaian dengan peringkat murid. Dalam konteks pendidikan di Malaysia pembangunan modul autisme peringkat sekolah menengah masih kurang, kebanyakan modul secara umum dan peringkat rendah. Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat yang lebih mendalam tentang teori dan model bagi mengukuhkan lagi pemahaman dalam membangunkan modul pengurusan sosioemosi murid autisme sekolah menengah. Kajian ini adalah kajian perpustakaan yang berfokuskan kepada tinjauan dan pengamatan terhadap teori dan model pengurusan sosioemosi murid autisme sekolah menengah dalam kajian lepas. Dapatan kajian dari literatur dengan adanya asas teori dan model menjadi asas penting dalam pembinaan modul kerana ia menyediakan rangka kerja saintifik yang membimbing pemilihan objektif, aktiviti, strategi pengurusan dan pengajaran serta penilaian. Melalui teori dan model pengkaji dapat memahami bagaimana murid belajar, berfikir dan memberi respons, khususnya bagi murid autisme yang mempunyai keperluan sosioemosi yang unik. Justeru teori-teori ini akan diaplikasi oleh pengkaji dalam usaha untuk membangunkan modul yang lebih efisien dan praktikal untuk pengurusan sosioemosi murid autisme terutamanya di PPKI sekolah menengah. Penelitian ini juga diharap dapat membuka ruang kepada penyelidik dan juga para pendidik untuk mencari penyelesaian dan mencari kaedah yang lebih praktikal bagi meningkatkan profesionalisme, kompetensi guru dan meningkatkan keupayaan murid autisme mengurus sosioemosi mereka.

Kata Kunci: *Teori, Model, Pendidikan Khas, Pengurusan, Sosioemosi, Autisme*

Abstract: *Theories and models serve as the main backbone in the development of socioemotional management modules for autistic students. Developing a specific and practical socioemotional module for secondary school autistic students requires an in-depth examination of theories and models that align with the students' developmental stage. Within the context of education in Malaysia, the development of autism modules at the secondary school level remains limited, as most existing modules are generic and targeted at the primary school level. This study aims to gain a deeper understanding of relevant theories and models to strengthen the foundation for developing a socioemotional management module tailored for secondary school autistic students. This is a library-based study focusing on reviewing and observing socioemotional management theories and models applied to secondary school autistic students in previous literature. Literature findings demonstrate that foundational theories and models serve as a vital basis in module construction by providing a scientific framework that guides the selection of objectives, activities, management and instructional strategies, as well as evaluations. Through these theories and models, researchers can better understand how students learn, think, and respond, particularly autistic students who possess unique socioemotional needs. Consequently, the researcher will apply these theories in an effort to develop a more efficient and practical module for the socioemotional management of autistic students, especially in Secondary School Integrated Special Education Programs (PPKI). It is hoped that this study will also provide opportunities for researchers and educators to explore practical solutions and methods to enhance teacher professionalism and competency, thereby improving the ability of autistic students to manage their socioemotional well-being.*

Keywords: *Theory; Model; Special Education; Management; Socioemotion; Autism.*

Pengenalan

Perkembangan sosioemosi murid autisme di sekolah menengah merupakan cabaran utama bagi guru pendidikan khas (GPK) memandangkan ciri-ciri autisme terutamanya murid *Autism Syndrome Disorder (ASD)* mengalami kesukaran memahami emosi, berinteraksi sosial, berkomunikasi, mengawal diri, dan sensitiviti sensorik. Cabaran mengurus sosioemosi murid autisme menjadi lebih kompleks kerana tahap kognitif, perubahan emosi remaja, serta keperluan akademik yang semakin tinggi. Guru memerlukan panduan yang spesifik yang dapat membantu mereka dalam mengurus sosioemosi murid autisme di kelas PPKI sekolah menengah. Walaupun guru pendidikan khas telah dilatih khas dalam bidang pedagogi dan intervensi murid berkeperluan khas tetapi masih wujud kelemahan dari segi kemahiran guru dalam mengurus sosioemosi murid autisme (Zainudin et al., 2022; Kamarudin & Abdullah, 2023).

Guru juga terbeban kerana kekurangan manual pengurusan tingkah laku menyebabkan mereka tidak dapat memfokus aspek sosioemosi murid (Osman & Abdullah, 2022). Ketiadaan bahan khusus untuk intervensi sosioemosi dan kurang latihan mengenal pasti pencetus emosi atau *sensory meltdown* merupakan cabaran guru dalam melaksanakan pengurusan sosioemosi murid autisme (Zahari, Rahim & Chong, 2025; Ningsih & Sari, 2023). Oleh itu guru GPK sekolah menengah memerlukan pendedahan, bimbingan, latihan berterusan dan panduan dalam mengurus sosioemosi murid autisme peringkat menengah.

Dalam usaha menghasilkan modul pengurusan sosioemosi pengkaji perlu meneliti kajian-kajian lepas terutamanya dari aspek teori dan model untuk mendapat maklumat tentang teori yang

bersesuaian yang boleh dirujuk dan diaplikasi dalam menyediakan aktiviti yang lebih sesuai dengan murid autisme sekolah menengah. Kajian literatur menunjukkan bahawa modul pengurusan sosioemosi perlu dibina berasaskan teori-teori pembangunan, tingkah laku, emosi, dan pembelajaran yang kukuh (Goleman, 1995; Bandura, 1986; CASEL, 2020; Skinner, 1953; Dunn, 1997). Oleh itu pengkaji melaksanakan kajian literatur bertujuan mengenalpasti teori dan pendekatan yang bertepatan dalam pembangunan modul agar modul sosioemosi murid autisme yang relevan kepada murid autisme di peringkat sekolah menengah. Modul nanti bukan sahaja relevan kepada murid autisme tetapi juga dapat diimplementasikan dengan konsisten oleh guru.


Teori Dan Model Dalam Pengurusan Sosioemosi Murid Autisme

Teori Sosioemosi Goleman (*Emotional Intelligence Theory*)

Teori sosioemosi yang dikemukakan oleh Daniel Goleman (1995,1998) menjadi asas kukuh dalam memahami perkembangan kecerdasan emosi manusia. Asas ini juga boleh diaplikasi bagi memahami kecerdasan emosi murid berkeperluan khas termasuk murid autisme. Goleman berpendapat, kecerdasan emosi merujuk kepada kebolehan individu mengenali emosi diri, mengurus emosi secara berkesan, memotivasikan diri, memahami emosi orang lain serta membina hubungan sosial yang positif. Goleman juga menegaskan bahawa kecerdasan emosi adalah penyumbang yang signifikan kepada pencapaian akademik, kesejahteraan sosioemosi, dan keberkesanan interaksi sosial. Sumbangan kecerdasan emosi ini lebih tinggi berbanding dengan kecerdasan intelek semata-mata.

Dalam konteks pendidikan khas, murid autisme lazimnya berhadapan dengan masalah kesukaran dalam mengurus emosi, komunikasi sosial dan interaksi sosial, Justeru mereka memerlukan intervensi yang dapat meningkatkan kemahiran mengurus emosi, komunikasi dan interaksi sosial. Teori Goleman menjadi kerangka asas yang membantu membentuk modul dan aktiviti intervensi sosioemosi secara sistematik. Komponen-komponen utama dalam teori ini memberikan asas untuk memahami kesukaran murid autisme serta menyediakan pendekatan intervensi yang lebih berstruktur dan berfokus. Kajian sistematik terkini mendapati bahawa intervensi yang direka untuk meningkatkan *emotional recognition* dan *emotional regulation* pada individu yang mengalami *Autism Syndrom Disorder* (ASD) telah berkesan dalam membangunkan kecerdasan emosi (EI) berdasarkan model Goleman. Kenyataan ini selari dengan kajian García-García et al. (2025) mendapati intervensi yang dilaksanakan dapat meningkatkan kesedaran emosi dan pengurusan emosi menunjukkan hasil positif.

Goleman (1995; 1998) telah menggariskan lima domain penting kecerdasan emosi, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Domain Kecerdasan Emosi Goleman

Adaptasi dari Goleman (1995), (1998)

(i) Kesedaran Kendiri (*Self-Awareness*)

Dalam konteks murid autisme sekolah menengah, aspek kesedaran sendiri semakin mencabar kerana mereka masih sukar untuk mentafsir sensasi dalaman atau memberi label kepada emosi. Kesedaran sendiri merujuk kepada keupayaan individu mengenali emosi sendiri, dapat memahami pencetus emosi serta mampu menilai kekuatan dan kelemahan diri (Butera et al., 2022; Cooper et al., 2021). Bagi meningkatkan keupayaan ini, Goleman telah menyarankan latihan pengenalan emosi. Latihan ini boleh dilakukan dengan melalui aktiviti boleh dilakukan melalui penggunaan visual, naratif sosial dan latihan pemodelan tingkah laku.

(ii) Pengurusan Kendiri (*Self-Management*)

Komponen ini melibatkan kebolehan mengawal impuls, mengurus tekanan, mengekalkan fokus dan mengawal reaksi emosi. Murid autisme sering menunjukkan tingkah laku mencabar apabila gagal mengawal tekanan atau rangsangan sensori. Teori Goleman memberikan asas kepada strategi pengurusan emosi menekankan aktiviti teknik pernafasan, rutin visual, time-out terkawal dan penggunaan alat bantuan sensori.

(iii) Kesedaran Sosial (*Social Awareness*)

Kesedaran sosial merujuk kepada kemampuan memahami perspektif orang lain, empati, dan kepekaan terhadap isyarat sosial. Murid autisme lazimnya mengalami kesukaran dalam aspek teori minda (*theory of mind*). Justeru teori Goleman membantu membentuk program yang memberi fokus kepada latihan empati, permainan peranan, naratif sosial dan analisis situasi sosial.

(iv) Kemahiran Sosial (*Social Skills*)

Komponen ini merujuk kepada kebolehan berkomunikasi, bekerjasama, kesepakatan menyelesaikan konflik dan membina hubungan interpersonal. Murid autisme memerlukan latihan untuk megembangkan kemahiran sosial mereka. Menurut Teori Goleman, asas kemahiran sosial perlu dikembangkan secara eksplisit iaitu bukan secara spontan. Antara

aktiviti yang sesuai dilaksanakan seperti latihan berstruktur, komunikasi pragmatik, penggunaan skrip sosial dan latihan berpasangan (*paired learning*).


(v) Motivasi Kendiri (*Self-Motivation*)

Motivasi sendiri ialah keupayaan menetapkan matlamat, berusaha mencapainya serta mengawal emosi yang menghalang prestasi. Murid autisme sering berhadapan kesukaran menetapkan matlamat pembelajaran yang fleksibel kerana kecenderungan mereka terhadap rutin. Teori ini menekankan kepentingan peneguhan positif, pembelajaran berasaskan minat dan penggunaan sistem ganjaran berstruktur untuk meningkatkan motivasi.

Teori Pembelajaran Sosial Bandura

Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977) sebagai asas konseptual utama dalam pengurusan sosioemosi murid autisme sekolah menengah. Teori ini dipilih kerana ia memberi penjelasan komprehensif tentang bagaimana tingkah laku, emosi, dan kemahiran sosial terbentuk melalui proses pemerhatian, peniruan, pemodelan, interaksi sosial, dan kawal selia sendiri. Bagi murid autisme, yang secara asas mempunyai cabaran dalam komunikasi sosial, pengurusan emosi, dan fleksibiliti tingkah laku, teori Bandura menyediakan asas teori yang kukuh untuk pembangunan modul, aktiviti intervensi dan strategi pengajaran sosioemosi. Mengikut Love et al. (2019), teori Bandura (*observational learning & self-efficacy*) sering digunakan untuk membentuk modul latihan guru yang akan melaksanakan modul sosioemosi di sekolah menengah.

Teori Pembelajaran Sosial (*Social Learning Theory, SLT*) oleh Albert Bandura (1977, 1986) menegaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui interaksi dinamik antara faktor individu, tingkah laku dan persekitaran, dikenali sebagai *triadic reciprocal determinism*.



Rajah 2: Model “Reciprocal Determination” Bandura A.(1977,1986)

Tiga komponen ini saling mempengaruhi:

- Faktor individu - kognisi, emosi, kepercayaan, jangkaan, efikasi sendiri
- Tingkah laku - respon nyata, tindakan sosial, kemahiran komunikasi
- Persekitaran - interaksi rakan sebaya, guru, keluarga, konteks bilik darjah

Rajah 2 di atas menerangkan bagaimana tiga komponen yang saling berhubungan dan berkait secara berterusan dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Interaksi ini menunjukkan bahawa pilihan dan tindakan seseorang bukan semata-mata ditentukan oleh keperibadian atau persekitaran mereka, tetapi oleh hubungan dua hala yang dinamik antara ketiga-tiganya.

Bandura menekankan bahawa manusia belajar bukan hanya melalui pengalaman langsung, tetapi juga melalui pemerhatian (*observational learning*). Pengukuh positif seperti pujian, *token* dan pengiktirafan dapat meningkatkan kecenderungan menghasilkan tingkah laku yang sama. Kajian Dean et al. (2020) mendapati model pembelajaran pemerhatian dalam kumpulan intervensi sosial dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan respons sosial remaja autisme terutamanya yang mengalami ASD. Mereka ini dapat memerhati melalui pemodelan terutamanya apabila rakan sebaya tipikal dijadikan model positif.

Pembelajaran melalui *role modelling*, *peer modelling*, dan *video modelling* sangat membantu dalam meningkatkan kemahiran interaksi sosial secara berstruktur, menggandakan peluang murid memerhati contoh tingkah laku sosial yang tepat, merangsang keyakinan diri dan efikasi sendiri apabila mereka berjaya meniru tingkah laku yang betul. Wong et al. (2021) dalam kajiannya mendapati murid autisme yang terlibat dalam role-play menunjukkan peningkatan signifikan dalam kemahiran sosial. Kajian Zhao & Sun (2022) pula menunjukkan bahawa video modeling meningkatkan penglibatan murid dan kemampuan mereka meniru tingkah laku positif. Teori ini menyokong reka bentuk modul yang melibatkan pengajaran berbasis pengamatan dan interaksi sosial.

Konsep efikasi sendiri ialah kepercayaan murid terhadap keupayaan diri mereka untuk mengurus situasi tertentu. Murid dengan efikasi sendiri tinggi lebih yakin mengawal emosi, berkomunikasi dengan baik dan menangani konflik. Sumber efikasi sendiri termasuk pengalaman kejayaan, permodelan rakan sebaya, galakan lisan guru dan pengawalan emosi. Bandura menekankan peneguhan secara langsung, peneguhan tidak langsung (*vicarious reinforcement*), dan peneguhan diri (*self-reinforcement*) sebagai pamacu tingkah laku positif. Murid autisme lazimnya mengalami cabaran dalam: Kemahiran sosial, mengurus emosi (*tantrum, shutdown, meltdown*), interaksi rakan sebaya dan fleksibiliti tingkah laku.

Teori Bandura menyokong pembelajaran melalui *modeling*, *role-play*, *video modelling* dan latihan praktikal berstruktur. Kaedah ini terbukti efektif dalam intervensi Autisme (*Applied Behavior Analysis, Social Skills Training, SEL*). Murid autisme lebih mudah memahami cara mengawal emosi, memberi respons sosial, dan menangani konflik. Ini menjadikan teori Bandura asas penting dalam sesi modul yang melibatkan lakonan sosial, simulasi situasi, dan demonstrasi emosi.

Teori Behaviorisme

Teori Behaviorisme menekankan bahawa tingkah laku adalah hasil pembelajaran melalui pengukuhan, hukuman dan rangsangan persekitaran. Murid autisme kebiasaannya memerlukan sokongan tambahan dalam pengurusan emosi, kawal selia tingkah laku dan interaksi sosial. Teori behaviorisme adalah asas penting dalam merangka strategi pengubahsuaian tingkah laku. Dalam konteks sekolah menengah, pendekatan seperti *Applied Behavior Analysis (ABA)*, *reinforcement schedules*, *task analysis*, dan *prompting-fading* sering digunakan untuk membentuk tingkah laku sosial yang sesuai. Dalam beberapa kajian antarabangsa menunjukkan bahawa murid autisme dapat meningkatkan kebolehan mengawal emosi, mematuhi rutin kelas, serta mengurangkan tingkah laku mencabar melalui pendekatan yang berasaskan behaviorisme. Ini dapat dibuktikan dalam kajian López-Bouzas et al. (2024) yang mendapati program berstruktur yang menggabungkan peneguhan konsisten dan latihan pengenalan emosi mampu meningkatkan kebolehan murid autisme mengenal pasti dan bertindak balas terhadap isyarat sosial secara lebih adaptif.

Teori behaviorisme juga boleh dijadikan asas dalam membina aktiviti yang melibatkan latihan berulang (repetition) dan juga menggunakan kaedah *modeling, shaping*, serta penilaian tingkah laku yang boleh diukur. Jadual visual, *token reinforcement* serta aktiviti langkah demi Langkah boleh digunakan dan merupakan elemen penting dalam modul sekolah menengah.

Theory Of Mind (Teori Minda)

ToM menekankan kepada kemahiran kognitif. ToM merujuk kepada keupayaan untuk memahami dan mengaitkan keadaan mental iaitu kepercayaan, keinginan, dan niat kepada diri sendiri dan orang lain (Szamburska-Lewandowska et al., 2021). Kemahiran kognitif ini penting untuk interaksi sosial dan peraturan emosi yang berkesan. Anak-anak autisme terutamanya yang mengalami ASD kerap bergelut dengan ToM dan ini mungkin menghalang keupayaan mereka untuk mengenali dan bertindak balas dengan sewajarnya kepada isyarat emosi dalam diri mereka dan orang lain (Roselle et al., 2020). Justeru teori ToM perlu diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan peraturan emosi dalam kalangan kanak-kanak dan memupuk pemahaman sosial serta tindak balas emosi yang lebih baik. Dalam konteks pendidikan, pendekatan ToM boleh membantu murid autisme mengawal emosi mereka dan mereka dapat meramal, memahami dan bertindak apabila berhadapan dengan tingkah laku, pengetahuan, niat, emosi dan kepercayaan orang lain

Model CASEL

Teori Pembelajaran Sosial dan Emosi (*Social and Emotional Learning, SEL*) ini diperkenalkan oleh *Collaborative for Academic, Social, and Emotional Learning (CASEL)* merupakan salah satu kerangka teori yang paling meluas digunakan dalam membangunkan kemahiran sosioemosi murid. Kerangka CASEL menekankan bahawa pembelajaran akademik dan kesejahteraan emosi adalah dua elemen yang saling berkait, dan tidak boleh dipisahkan dalam konteks pendidikan abad ke-21. CASEL mendefinisikan SEL sebagai proses perkembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk memahami diri, mengurus emosi, membina hubungan positif, membuat keputusan yang beretika, serta berfungsi secara berkesan dalam komuniti sosial (CASEL, 2020; Weissberg et al., 2015).

Dalam konteks murid autisme, penguasaan kemahiran-kemahiran ini amat signifikan kerana golongan ini sering menghadapi kesukaran dalam komunikasi sosial, pengurusan emosi, fleksibiliti tingkah laku dan interaksi sosial (American Psychiatric Association, 2022). Oleh itu, kerangka CASEL menyediakan asas teori yang kukuh untuk membangunkan modul intervensi sosioemosi yang lebih sistematik, tersusun dan berstruktur.

CASEL mula dibangunkan pada pertengahan 1990-an dan mengalami penambahbaikan secara berterusan sehingga menghasilkan lima domain kompetensi teras yang menjadi asas pembangunan intervensi sosioemosi di sekolah-sekolah di seluruh dunia (CASEL, 2020). Lima Domain Kompetensi CASEL iaitu kesedaran sendiri (*self-awareness*), pengurusan sendiri (*self-management*), kesedaran sosial (*social awareness*), kemahiran hubungan (*relationship skills*) dan membuat keputusan bertanggungjawab (*responsible decision-making*).

(i) Kesedaran Kendiri (*Self-Awareness*)

Kesedaran sendiri merujuk kepada keupayaan individu memahami emosi, kekuatan, kelemahan dan nilai diri (Goleman, 1995). Mathiyalagan & Toran, (2023) mendapati murid autisme, sering menjadi cabaran dalam kesedaran sendiri kerana mereka mungkin mengalami kesukaran mengenal emosi diri, memproses sensori, dan menghubungkan emosi dengan tingkah laku.

CASEL telah memberi penekanan kepada intervensi pengenalan emosi asas, penghayatan konsep diri, serta latihan membezakan emosi positif dan negatif.

(ii) Pengurusan Kendiri (*Self-Management*)

Domain ini melibatkan keupayaan mengawal emosi, mengurus tekanan, mengawal impuls, menetapkan matlamat dan tekal dalam tugas. Mengikut kajian Bandura (1991), *self-regulation* merupakan komponen penting untuk membina tingkah laku adaptif. Bagi murid autisme, komponen ini sangat relevan kerana mereka sering berdepan cabaran dalam kawalan impuls, kestabilan emosi dan fleksibiliti tingkah laku (Kourtesis et al., 2023). Melalui aktiviti berstruktur seperti latihan pernafasan, *visual schedule* dan rutin terancang, modul berasaskan CASEL dapat meningkatkan keupayaan pengurusan sendiri dengan lebih konsisten.

(iii) Kesedaran Sosial (*Social Awareness*)

Kesedaran sosial merujuk kepada keupayaan memahami perspektif orang lain, empati dan norma sosial. Murid autisme sering mengalami kesukaran dalam kemahiran ini kerana faktor defisit dalam *theory of mind* dan pemprosesan sosial (Baron-Cohen, 1995). Kerangka CASEL menyarankan aktiviti seperti role-play, latihan memahami ekspresi wajah dan interaksi berpandu untuk meningkatkan pemahaman sosial. Kajian Yustimin et al. (2022) menunjukkan bahawa pendekatan berstruktur meningkatkan kemampuan murid autisme untuk mengenal emosi orang lain dalam konteks bilik darjah inklusif.

(iv) Kemahiran Hubungan (*Relationship Skills*)

Komponen ini melibatkan kebolehan berkomunikasi secara efektif, bekerjasama, mengurus konflik dan membina hubungan positif. Murid autisme sering menunjukkan kesukaran dalam memulakan perbualan, mengekalkan hubungan rakan sebaya, dan memahami isyarat sosial tersirat. Dengan aktiviti berbentuk kolaboratif, permainan sosial, peraturan giliran (*turn-taking*) dan latihan komunikasi visual, modul berasaskan CASEL mampu membantu membina kemahiran hubungan yang lebih baik (Odom et al., 2021).

(v) Membuat Keputusan Bertanggungjawab (*Responsible Decision-Making*)

Domain ini merangkumi keupayaan menilai pilihan, membuat keputusan beretika, memahami akibat tindakan, dan menyelesaikan masalah. Kemahiran ini penting bagi murid autisme yang memerlukan garis panduan jelas dalam membuat keputusan (Piaget, 1970). Dengan melibatkan aktiviti penyelesaian masalah, analisis situasi sosial dan struktur rutin, modul yang menggunakan asas CASEL dapat membantu murid membangunkan pemikiran lebih terarah dan beretika.

Kepentingan Penelitian Teori Dalam Pembangunan Modul Sosioemosi Murid Autisme

Pembangunan modul sosioemosi yang khusus untuk murid autisme memerlukan landasan teori yang kukuh bagi memastikan aktiviti pengurusan sosioemosi murid dan intervensi yang dibina bukan sahaja relevan, tetapi juga terbukti berkesan. Murid autisme mempunyai ciri-ciri perkembangan yang unik, termasuk cabaran dalam pengurusan emosi, pengenalan ekspresi wajah, komunikasi sosial, dan interaksi interpersonal. Oleh itu, teori pembelajaran memainkan peranan penting bukan sahaja sekadar memenuhi keperluan akademik, tetapi menjadi asas metodologi yang menentukan ketepatan, kesesuaian dan keberkesanan setiap isi kandungan dan aktiviti yang disarankan dalam modul.

Teori sebagai rujukan dan panduan saintifik untuk memahami bagaimana murid autisme belajar, berfikir, dan bertindak balas terhadap rangsangan sosial. Teori *Behaviorisme* dan *Applied Behavior Analysis (ABA)* memberi asas kepada teknik pengukuhan positif dalam membentuk tingkah laku emosi yang adaptif. Begitu juga, model *Social Emotional Learning (CASEL)* memberikan struktur komprehensif bagi membangunkan kemahiran teras seperti kesedaran diri, kawal selia emosi dan kesedaran sosial. Tanpa rujukan teori yang jelas, pembinaan modul berisiko menjadi tidak terarah, tidak sistematik, dan kurang menepati keperluan sebenar murid. Teori seperti *Theory of Mind (ToM)* pula membantu menjelaskan kekangan murid ASD dalam memahami perspektif orang lain. Ini membolehkan aktiviti dapat dirancang bagi meningkatkan murid autisme ke arah memahami individu lain.


Ketulenannya sesuatu modul sangat bergantung kepada asas teori. Apabila aktiviti, bahan dan strategi modul dipadankan dengan teori, modul tersebut bukan sahaja bersifat praktikal, tetapi juga dapat dipertahankan secara akademik dan empirikal. Ini memberi gambaran bahawa modul dibina berdasarkan justifikasi ilmiah yang mengukuhkan nilai dan ketulenannya modul. Rujukan teori memberi kredibiliti bahawa hasil pembelajaran yang disasarkan adalah selari dengan dapatan penyelidikan dan perkembangan semasa dalam bidang autisme dan sosioemosi.

Modul yang dibina berasaskan teori terbukti mempunyai keberkesanan lebih konsisten dan boleh diuji. Teori dapat membantu pengkaji menyediakan rangka kerja untuk menilai hasil intervensi dan membolehkan pengkaji mengukur perubahan tingkah laku atau kemahiran sosioemosi dengan lebih objektif melalui instrumen yang selari dengan teori. Teori menjamin kebolehlaksanaan jangka panjang kerana ia mempunyai struktur yang jelas, objektif yang tersusun dan aktiviti yang berfasa. Modul sedemikian akan mudah diadaptasi oleh GPK PPKI modul mempunyai rasional teori yang boleh dijelaskan. Hal ini akan meningkatkan kefahaman dan boleh diterima oleh pihak pelaksana. Justeru ianya dapat memberi impak yang lebih bermakna kepada murid autisme.

Rumusannya teori bukan sekadar pelengkap dalam pembangunan modul sosioemosi, tetapi menjadi tulang belakang yang memastikan modul dibina secara saintifik, berfokus, efektif dan boleh dinilai kebolehgunaan dan keberkesanannya. Modul yang diasaskan pada teori bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran sosioemosi murid autisme secara sistematik, malah dapat membantu guru meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan membantu guru dalam mengurus sosioemosi murid autisme di PPKI sekolah menengah. Hasil penelitian ini juga dapat membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan mengkaji kesesuaian teori dan membuat penambahbaikan intervensi serta pengukuhan amalan Pendidikan dari masa ke semasa.


Cadangan Pembangunan Modul Pengurusan Sosioemosi Murid Autism PPKI Sekolah Menengah Berasaskan Teori Dan Model

Berdasarkan kajian literatur dan penelitian teori-teori dan model, pengkaji telah merangka cadangan membangunkan model sosioemosi murid autisme sekolah menengah. Modul ini nanti diharapkan dapat membantu guru GPK yang mengajar di PPKI mengurus sosioemosi murid autisme dengan cara sistematik dan praktikal. Dalam melaksanakan pembangunan modul ini pengkaji telah memilih beberapa teori iaitu Teori Kecerdasan Sosioemosi Goleman, Teori Sosial Bandura, Teori Behaviorisme, Teori ToM dan Model CASEL.



Rajah 4: Teori Pilihan dalam Pembangunan Pengurusan Sosioemosi Murid Autisme Sekolah Menengah

Berdasarkan teori dan bukti empirik teori-teori dalam kajian literatur, pengkaji telah membina struktur kandungan, modul sosioemosi yang sesuai dengan murid autisme sekolah menengah, Struktur kandunagn modul dibina berdasarka komponen seperti Rajah 5 di bawah.



Rajah 5. Cadangan Komponen dalam Modul Pengurusan Sosioemosi Murid Autisme Sekolah Menengah

Rajah 5 menunjukkan perkaitan dengan komponen isikandungan engan teori-teori yang dipilih. Dengan demikian, teori-teori ini dapat diaplikasi dalam menghasilkan modul isupaya ianya lebih mantap. Teori-teori ini bukan berdiri sendiri tetapi digabung dan saling melengkapi untuk membina modul yang komprehensif, empirikal dan sesuai dengan pemasalahan murid autisme di PPKI sekolah menengah.

Kesimpulan

Teori dan model memainkan peranan kritikal dalam pembinaan modul. Justeru dalam membangunkan modul perlu berasaskan teori dan model kerana kedua-duanya memberikan asas konseptual dan struktur pembangunan yang sistematik. Dari aspek teori, konsep-konsep asas seperti proses pembelajaran, perkembangan sosioemosi dan ciri kognitif murid autisme membantu menentukan fokus modul, pemilihan kandungan, bentuk aktiviti pengajaran dan Teknik pengurusan sosioemosi yang paling sesuai. Teori juga dapat memastikan modul dibina memberi kefahaman yang mendalam dan saintifik tentang keperluan sebenar murid, bukan sekadar andaian atau pengalaman semata-mata.

Rujukan

- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1991). Social cognitive theory of self-regulation. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 248–287.
- Bandura, A. (1993). Perceived self-efficacy in cognitive development and functioning. *Educational Psychologist*, 28(2), 117–148.
- Bandura, A. (1997). *Social foundations of thought and action*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Baron-Cohen, S. (1995). *Mindblindness: An essay on autism and theory of mind*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Butera, C. D., Harrison, L., Kilroy, E., Jayashankar, A., Shipkova, M., Pruyser, A., & Aziz-Zadeh, L. (2022). Relationships between alexithymia, interoception, and emotional empathy in autism spectrum disorder. *Autism*, 27(2), 498–511. <https://doi.org/10.1177/13623613221111310>
- Cooper, K., Gooch, D., Bennett, M., & Russell, A. (2021). Emotional self-awareness in autism: A meta-analysis of group differences and developmental effects. *Autism*, 25(2), 307–321. <https://doi.org/10.1177/1362361320964306>
- Dean, M., Kasari, C., Shih, W., Frankel, F., Whitney, R., Landa, R., ... Harwood, R. (2020). Adolescents with autism spectrum disorder and social skills groups at school: A randomized trial comparing intervention environment and peer composition. *Journal of Autism and Developmental Disorders*. Retrieved from <https://pmc.ncbi.nlm.nih.gov/articles/PMC7540922/>
- García-García, L., Martí-Vilar, M., Hidalgo-Fuentes, S., & Cabedo-Peris, J. (2025). Enhancing emotional intelligence in autism spectrum disorder through intervention: A systematic review. *European Journal of Investigation in Health, Psychology and Education*, 15(3), 33.
- Gardner, A. (2021). Social-emotional learning for adolescents on the autism spectrum: High-school teachers' perspectives. *Australasian Journal of Special and Inclusive Education*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/344347695_Social-Emotional_Learning_for_Adolescents_on_the_Autism_Spectrum_High_School_Teacher_s%27_Perspectiv
- Kamarudin, S., & Abdullah, H. (2023). Teacher competencies in managing autistic students in Dinclusive classrooms. *Malaysian Journal of Inclusive Education*, 8(2), 67–80.
- López-Bouzas, N., & Del Moral, M. (2024). Improved socio-emotional skills in students with autism spectrum disorder following an intervention supported by an augmented gamified environment. *International Journal of Child-Computer Interaction*, 100683.
- López-Bouzas, N., Del Moral-Pérez, M. E., & Castañeda-Fernández, J. (2024). Communicative competence in students with ASD: Interaction and immersion in a gamified augmented environment. *Education and Information Technologies*, 29, 13175–13199.
- Love, A. M. A., Hume, K., & Browder, D. (2019). Teacher self-efficacy for teaching students with autism spectrum disorder: Associations with stress, engagement and student IEP outcomes. *Frontiers in Education*. Retrieved from <https://pmc.ncbi.nlm.nih.gov/articles/PMC11581316/>
- Mathiyalagan, N. R., & Toran, H. (2023). Tahap pengetahuan guru dalam pengurusan sosioemosi murid autisme. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Ningsih, D., & Sari, P. (2023). Challenges faced by inclusive education teachers in supporting the socio-emotional development of students with ASD. *Journal of Special Needs Education*, 8(1), 55–70.

- Odom, S. L., Hall, L. J., Morin, K. L., et al. (2021). Educational interventions for children and youth with autism: A 40-year perspective. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 51(12), 4354–4369.
- Osman, N., & Abdullah, N. (2021). Keperluan guru dalam pengurusan tingkah laku murid autisme di sekolah menengah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 22(1).
- Rosello, B., Berenguer, C., Baixauli, I., García, R., & Miranda, A. (2020). Theory of mind profiles in children with autism spectrum disorder: Adaptive/social skills and pragmatic competence. *Frontiers in Psychology*, 11, 567401.
- Szamburska-Lewandowska, K., Konowalek, Ł., & Bryńska, A. (2021). Theory of mind deficits in childhood mental and neurodevelopmental disorders. *Psychiatria Polska*, 55(4), 801–813.
- Yustimin, E. E., Hutasoit, E. E. F., & Mazlan, F. A. (2022). Strategi pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar autisme dalam kelas inklusif di sekolah menengah. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 2(1), 28–45.
- Zahari, M. F., Rahim, R., & Chong, A. (2025). Sokongan guru dalam pengurusan sosioemosi murid autisme: Satu tinjauan sistematik. *ASEAN Journal of Special Education*, 4(1).
- Zainudin, N., Ahmad, N., & Halim, M. (2022). Emotional and behavioral management strategies among special education teachers in Malaysia. *Journal of Special Needs Education*, 12(1), 45–56.